



TENAGA BURUH MALAYSIA, JUN 2025

Kadar pengangguran Jun kekal
3.0 peratus, dengan bilangan
penganggur menurun kepada
518.7 ribu orang

PENGANGGURAN

JUN 2025



Bilangan penganggur

Kadar pengangguran

518.7 ribu

3.0%


Kadar pengangguran pada
bulan Jun 2025 kekal 3.0 peratus
seperti pada Mei

JUN^r 2024 553.7
ribu

MEI 2025 522.4
ribu

JUN^r 2024 3.3%
MEI 2025 3.0%

Pengangguran mengikut kategori



PENDUDUK BEKERJA

JUN 2025

Bilangan penduduk
bekerja

Nisbah guna tenaga
kepada penduduk

16.92 juta


68.7%

JUN^r 2024 16.42
juta

MEI 2025 16.86
juta

JUN^r 2024 68.3%
MEI 2025 68.7%

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



Kategori pekerja kekal
sebagai segmen terbesar dalam
guna tenaga, merangkumi
75.0 peratus daripada
jumlah penduduk bekerja

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

17.43
juta

JUN
2025

Kadar Penyertaan
Tenaga Buruh

70.8%

JUN^r 2024 16.97
juta

MEI 2025 17.38
juta

JUN^r 2024 70.6%
MEI 2025 70.8%

70.8%

Kadar penyertaan tenaga buruh
pada Jun 2025 kekal 70.8 peratus
seperti yang direkodkan bulan lalu

KPTB mengikut jantina



Lelaki
83.3%




Wanita
56.4%

LUAR TENAGA BURUH



Sebab utama bagi mereka yang berada di luar tenaga
buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga



Kerja rumah/
tanggungjawab keluarga
43.7%



Bersekolah/ latihan
40.9%


Nota :

- Peratus perubahan
(tahun ke tahun)
- Peratus perubahan
(bulan ke bulan)
- Mata peratus

↔ Tidak berubah

⌚ Pelarasan semula berdasarkan
anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan
Perumahan Malaysia 2020

Penganggur dan kadar pengangguran, Jun^r 2024 dan Mei - Jun 2025



@StatsMalaysia



ASEAN
MALAYSIA 2025
INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY



MALAYSIA
MADANI
kesejahteraan



20 October

2016 - 2030

Kadar pengangguran Jun kekal 3.0 peratus, dengan bilangan penganggur menurun kepada 518.7 ribu orang

- **Tenaga buruh** terus menunjukkan trend peningkatan pada Jun 2025, meningkat sebanyak **0.3 peratus** bulan ke bulan kepada **17.43 juta orang** (Mei 2025: 17.38 juta orang). **Kadar penyertaan tenaga buruh** pada Jun 2025 kekal **70.8 peratus**, konsisten dengan kadar yang direkodkan pada Mei.
- Bilangan **penganggur** terus menurun sebanyak **0.7 peratus** kepada **518.7 ribu orang** pada bulan tersebut (Mei 2025: 522.4 ribu orang).
- **Kadar pengangguran** kekal tidak berubah iaitu pada paras **3.0 peratus** bagi bulan ketiga berturut-turut, menunjukkan kestabilan pasaran buruh yang berterusan.
- Guna tenaga terus mencatatkan pertambahan pada Jun 2025, dengan bilangan **penduduk bekerja** meningkat sebanyak **0.3 peratus** kepada **16.92 juta orang** (Mei 2025: 16.86 juta orang).
- Guna tenaga mengikut sektor ekonomi terus meningkat pada bulan tersebut, dipacu oleh peningkatan yang stabil dalam sektor **Perkhidmatan**, terutamanya dalam aktiviti **Perdagangan borong dan runcit; Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi**. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor **Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian, dan Pertanian** turut menunjukkan pertambahan pada bulan tersebut.
- Bagi bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada bulan Jun 2025, ianya menurun sedikit iaitu sebanyak **0.004 peratus**, menjadikan jumlah seramai **7.18 juta orang** (Mei 2025: 7.18 juta orang).

